

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 31 MEI 2016

Ceritakan taman sukan lasak

■ Projek baik pulih TSLSA galak belia berekreasi

Icka S Hassan
hmetroshahalam@
hmetro.com.my

Shah Alam

Pelaksanaan projek pembangunan semula Taman Sukan Lasak Shah Alam (TSLSA) Seksyen 13 di sini, bakal menarik kehadiran lebih ramai belia menerusi hasil inisiatif Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Program yang dilaksanakan menerusi gotong royong oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Selangor Youth Community (SAY) itu turut mendapat kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Sunway Group (SUNWAY).

Tengku Amir berkata, selain membaikpulih, memperbaiki dan menceritakan kawasan awam untuk kegunaan jangka masa panjang, inisiatif itu bertujuan menggalakkan belia mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah seperti sukan dan rekreasi.

"Taman sukan lasak ini perlu diperbaiki dan dicanangkan kerana ia satu daripada kawasan riadah yang menjadi tumpuan golongan muda.

Tenambahbaikannya



TENGGU Amir (tiga kanan) menyaksikan demonstrasi papan selaju di Extreme Park Seksyen 13, Shah Alam.

“

Kita juga mahu menceritakan taman ini dengan unsur seni mural dan grafiti”

Tengku Amir

secara tidak langsung akan menarik minat belia sekali gus menghindar daripada terjebak dalam gejala sosial,” katanya ketika ditemui di TSLSA itu, malam kelmarin.

Menurut beliau, komuniti SAY sebelum ini sudah membuat tinjauan di sekitar taman yang dibuka sejak

2009 itu yang didapati memerlukan banyak usaha membaik pulih.

Kata Tengku Amir, visi utama projek itu bertujuan memaksimumkan penggunaan taman sukan lasak dengan potensi kemudahan sedia ada supaya seiring dengan peredaran zaman dan keperluan komuniti.

“Kita juga mahu menceritakan taman ini dengan unsur seni mural dan grafiti,” katanya yang merancang untuk memperbaiki dan mencanangkan taman riadah lain di seluruh negeri ini.